

25 JAN 2002

Khair-Jawatan

JAWATAN SATU TANGGUNGJAWAB KEPADA PARTI, KATA DR MOHAMAD KHIR

SHAH ALAM, 25 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo hari ini menganggap pelantikannya sebagai pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri sebagai satu tanggungjawab untuk memperkuat parti bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Beliau turut mengucapkan terimakasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas pelantikan itu.

"Saya yakin dengan usaha ini kita akan dapat perkukuhkan lagi Umno di negeri Selangor ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perisytiharan Tahun Pembangunan Pertanian Negeri Selangor dan seminar pembangunan teknologi industri berasaskan pertanian.

Dr Mahathir mengumumkan semalam pelantikan Dr Mohamad Khir bagi menggantikan Tan Sri Muhammad Mohd Taib yang mengosongkan kerusi itu secara sukarela.

Muhammad telah dilantik timbalan pengerusi badan perhubungan Umno Selangor.

Dr Mohamad Khir berkata jawatan pengerusi atau timbalan pengerusi badan perhubungan Umno negeri tidak ada bezanya kerana masing-masing perlu bergandingan bagi tugas membangunkan Umno.

Umno negeri kini katanya sedang menyusun langkah lebih teratur untuk memastikan cita-cita kerusi pembangkang sifar pada pilihan raya umum akan datang tercapai.

"Untuk itu, Umno sekarang perlu lebih bersikap menyerang daripada (bersikap) defensif," katanya.

-- BERNAMA

RIZ MOZ